

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada pengusaha yang berminat untuk menyertai mana-mana sebut harga berikut :-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
PUO/SH(S)/02/2023	Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Menyewa Dan Mengurus Ruang Niaga Di Kantin B, Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh, Perak Darul Ridzuan	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan Kod Bidang seperti berikut :- i. 040102 – Makanan dan Minuman (tin / botol dan bungkus dan; ii. 040103 – Makanan Bermasak (Islam)	09/10/2023 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengahari i. Dokumen Sebut Harga yang dihantar lewat tidak akan diterima / dilayan / dipertimbangkan. ii. Pejabat ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung. iii. Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini. iv. Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam Dokumen Sebut Harga.
Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi bermula pada 02/10/2023 (Isnin) sehingga 06/10/2023 (Jumaat) di Unit Perolehan Dan Kewangan, Aras 2, Blok Pentadbiran, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak pada waktu seperti berikut:- a. 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari b. 2.30 petang hingga 4.00 petang			

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada pengusaha atau wakil-wakil pengusaha yang membawa surat wakil kuasa. Wakil pengusaha hendaklah membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan Kod Bidang seperti di atas dan Sijil **ASAL** Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada penama-penama yang bertauliah / wakil – wakil pengusaha yang sah sahaja. Kegagalan tuan/puan mengemukakan sijil tersebut boleh menyebabkan Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan.
3. Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**, tetapi penyebutharga boleh hadir ke lokasi secara individu mulai **2/10/2023 (Isnin) sehingga 06/10/2023 (Jumaat)**. Gambar-gambar akan dilampirkan bersama sebagai rujukan kepada penyebutharga. Penyebutharga hendaklah menggunakan borang-borang yang telah disediakan oleh Politeknik Ungku Omar. Sebut Harga yang diterima dan tidak menggunakan borang rasmi ini, meminda butiran-butiran borang-borang berkenaan atau tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Lanjutan itu, penyebutharga boleh menghubungi pegawai di **Unit Khidmat Pengurusan, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak** seperti di bawah bagi tujuan **pertanyaan / penjelasan / temujanji** :-

En. Mat Shah Bin Lahnan / Pn. Aniss Sarni Binti Abd Rashid : 1300-88-1969

4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri** dengan mencatatkan **No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga / Tender, Aras Bawah, Blok Pentadbiran, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak** sebelum **Tarikh Tutup Sebut Harga**.
5. Politeknik Ungku Omar tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

(Dr. SHAMSURI BIN ABDULLAH)

Pengarah

Politeknik Ungku Omar

Politeknik Premier

Ipoh, Perak

Tarikh : **26** September 2023

Ruj Fail : PUO/SH(S)/02/2023

